

BAB KETIGA

BAB KETIGA

PEMBAHAGIAN AL-FI'L AL-MUDĀRI'

3.0 Pendahuluan

F.M adalah salah satu dari bentuk-bentuk kata kerja di dalam bahasa Arab. Di dalam bahasa Arab fi'l terbahagi kepada 3 bahagian iaitu "*al-fi'l al-māḍī*", "*al-fi'l al-mudāri'*" dan "*fi'l al-amr*". Di dalam bab ini akan membincangkan definisi *F.M* dan pembahagiannya sahaja.

3.1 Konsep al-Fi'l al-Mudari'

Definisi *F.M* ialah ;

(Kata kerja yang di awal lafaznya terdapat salah satu imbuhan yang empat, iaitu huruf "أ، ن، ي، ت" dan ia sentiasa "*marfū'*" kecuali dimasuki huruf "*naṣb*" atau "*jazm*").¹

F.M yang "*marfū'*" akan berubah barisnya menjadi "*manṣūb*" apabila dimasuki huruf "*naṣb*" seperti ;

لَنْ يُسَافِرَ زَيْدٌ

Ertinya : "Tidak akan bermusafir Zaid"

"لَنْ" adalah salah satu huruf "*naṣb*". Begitu juga huruf "*jazm*", apabila *F.M* dimasuki oleh huruf tersebut maka ia akan berubah menjadi "*majzūm*" seperti ;

لَمْ يُسَافِرْ زَيْدٌ أَمْسٍ

Ertinya : "Tidak bermusafir Zaid semalam"

"لَمْ" adalah salah satu huruf "*jazm*".

¹ 'Abdullah Ibn al-fāḍil al-'Asymawīy. Ḥāsyiaṭ 'alā matn al-Ajurrūmiyyaṭ.t.t. m.s 23.

Terdapat juga definisi yang lain, iaitu; (*kata kerja yang menunjukkan kepada berlakunya sesuatu kejadian pada waktu kini atau pada waktu yang akan datang*).¹

Definisi ini berbeza dari definisi yang lalu kerana ia hanya menumpukan kepada sudut masa sebagai tanda khas bagi *F.M*, manakala definisi yang pertama lebih menumpukan kepada sudut bentuk dan *'I'rāb*. Dari kedua-dua definisi yang lalu dapatlah disimpulkan bahawa ciri-ciri *F.M* ialah ;

- 1- Kata kerja yang terdapat di hadapannya salah satu dari imbuhan yang empat, iaitu "أ - ن - ي - ت".
- 2- Kata kerja yang "*marfū'*" kecuali ia dimasuki oleh huruf "*naṣb*" dan "*jazm*".
- 3- Kata kerja yang menunjukkan sesuatu kejadian atau perbuatan yang berlaku pada masa kini atau pada waktu yang akan datang.

Para ulama juga telah menghuraikan sebab ia dinamakan "*muḍāri'*" kerana ia mempunyai persamaan dengan kata nama. Perkataan "*muḍāri'*" berasal dari lafaz "*muḍāra'at*" yang bermaksud "*musyabahat*" iaitu persamaan. Persamaan tersebut terdapat di dalam beberapa aspek, iaitu ;

- 1- *F.M* adalah kata kerja yang am tetapi ia boleh menjadi khusus seperti ism nākirah boleh menjadi *ism ma'rifat*, contohnya "يَذْهَبُ"; (Dia pergi), ia adalah kata kerja yang am kerana ia menunjukkan perbuatan yang berlaku pada waktu kini dan akan datang, tetapi apabila ditambah dengan perkataan "سَوْفَ"; (akan) maka ia menjadi khusus kepada waktu yang akan datang, seperti kata nama "رَجُلٌ"; (seorang lelaki) yang bermakna umum untuk mana – mana lelaki tetapi menjadi khusus apabila ditambah di awal perkataan tersebut dengan huruf "أ ل" seperti "الرَّجُلُ"².

¹ Suhair Muḥammad Khālifaṭ .Dirāsāt fi al-Naḥw wa al-Ṣarf. 1980 . Jilid 1 .m.s 23 dan lihat Muṣṭofā al-Ghalāyini .Jāmi' al-Durūs al-'Arabiyyaṭ .1992 .m.s 33.

² Abī al-Barakāt al-Anbāriy . al-Inṣāf fi Masāil al-Khilāf .1987.jilid 2 .m.s 549.

2- *F.M* boleh ditambah pada awal perkataannya dengan " لَامُ الْإِبْتِدَاءِ " seperti dalam contoh berikut ;

" إِنْ زَيْدًا لَيَقُومُ "

Yang bererti : " *Sesungguhnya Zaid berdiri* ".

Begitu juga kata nama boleh ditambah dengan " لَامُ الْإِبْتِدَاءِ " seperti contoh berikut ;

" إِنْ زَيْدًا لَقَائِمٌ " .

3- *F.M* mempunyai persamaan dengan kata nama pelaku dari sudut baris dan sukun *I.F* iaitu ia mengikut susunan baris dan sukunnya, seperti : " فَاعِلٌ " - " يَضْرِبُ " (memukul).

Persamaan kedua-duanya ialah huruf yang pertama, ketiga dan keempat adalah berbaris manakala huruf yang kedua sukun. Oleh itu, terdapat persamaan di antara *F.M* dengan kata nama.

4- Terdapat juga ulama yang mengupas persoalan kenapa huruf " أ - ن - ي - ت "

dipilih sebagai imbuhan dan tidak huruf-huruf yang lain. Terdapat pendapat yang menyatakan bahawa huruf yang lebih utama dipilih ialah huruf *mād* dan *līn*, iaitu huruf "

" أ - و - ي " kerana ia adalah induk segala baris dan sesuatu perkataan kebiasaannya

terdapat huruf tersebut walaupun sebahagiannya sahaja. Kebiasaannya orang Arab tidak dapat menambah huruf *alīf* di permulaan perkataan kerana ia tidak berbaris, dan *sukūn* biasanya tidak ada di permulaan perkataan maka mereka menukarkan huruf yang hampir

dengannya, iaitu huruf *hamzat* seperti perkataan "أَخَذَ"; (telah mengambil). Adapun huruf *wāw* tidak bertambah di awal perkataan kerana ia mesti ditukarkan kepada huruf yang hampir makhrajnya iaitu huruf *tā'*. Adapun huruf *yā'* mereka menjadikan huruf untuk ganti nama ketiga dan mereka memerlukan kepada huruf yang keempat iaitu huruf *nūn* untuk disesuaikan dengan huruf *mād* dan *līn* kerana ia mengikut baris - baris dan digugurkan sebagaimana di dalam contoh berikut "لَمْ يَكُنْ"; (belum menjadi) asalnya ialah "يَكُونُ"; (menjadi) sebagaimana ia digugurkan seperti contoh "لَمْ يَغْزُ"; (belum berperang) asalnya ialah "يَغْزُو"; (berperang) dan "لَمْ يَخْشَ"; (tidak takut) asalnya ialah "يَخْشَى"; (merasa takut) digugurkan huruf *alif maqṣūrah* pada perkataan tersebut dan "لَمْ يَرْمِ"; (tidak membaling) asalnya ialah "يَرْمِي"; (membaling) tetapi digugurkan huruf *yā'* padanya. Huruf *nūn* juga mempunyai *ghunnah* (bunyi dengung) yang menyerupai huruf *mād* dan berbagai lagi persamaan yang lain.¹

Pendapat di atas adalah pendapat yang diada-adakan. Pendapat ini juga dikira sebagai pandangan yang berbentuk falsafah. Pada pandangan Penulis pemilihan imbuhan itu tidak dapat dinyatakan sebabnya yang khusus. Imbuhan "أ - ن - ي - ت" telah digunakan oleh orang Arab sejak dahulu lagi dan di dalam al-Quran, hadis dan bahasa Arab. Penulis berpandangan bahawa imbuhan tersebut mewakili salah satu huruf dari

¹ Abu al-Ḥasan 'Alīy bin Faḍḍāl al-Mujāsyī'. 1988 .m.s 44-45.

perkataan – perkataan ganti nama dalam bahasa Arab seperti dalam contoh-contoh berikut;

أَذْهَبُ = "أنا" – "أنا" = Saya pergi

نَذْهَبُ = "نحن" – "نحن" = Kami pergi.

تَذْهَبُ = "أنت" – "أنت" = Awak pergi .

Kesimpulannya, pandangan terhadap imbuhan itu boleh dinyatakan oleh sesiapa pun. Walau bagaimana pun, bahasa adalah suatu perkara yang merujuk kepada sesuatu bangsa atau masyarakat, apatah lagi bahasa Arab yang digunakan oleh al-Quran sejak dulu lagi yang mengandungi banyak hikmah di sebalik setiap huruf dan lafaz yang digunakan.

3.2 Pembahagian al-Fi‘l al-Muḍāri‘

F.M mempunyai pembahagiannya berdasarkan kepada kategori kata kerja yang telah diklasifikasikan oleh para ulama. Secara umumnya *F.M* mempunyai 2 bahagian, iaitu *thulāthiy* dan *rubā‘iy*. Kata kerja *thulāthiy* terbahagi kepada 3 jenis, iaitu :

- 1- Kata kerja *thulāthiy mujarrad* (yang tidak ada sebarang imbuhan)
- 2- Kata kerja *thulāthiy mazīd* (yang mempunyai imbuhan), dan jenis ini pula terbahagi kepada 3 bahagian, iaitu :
 - a- Kata kerja *mazīd bi ḥarf* (berimbuhan satu huruf)
 - b- Kata kerja *mazīd bi ḥarfayn* (berimbuhan dua huruf)
 - c- Kata kerja *mazīd bi thalātaḥ ḥruf* (berimbuhan tiga huruf).

Kata kerja *rubā‘iy* pula terbahagi kepada 2 jenis, iaitu :

- 1- Kata kerja *mujarrad*
- 2- Kata kerja *mazīd*, dan jenis ini terbahagi kepada 2 bahagian, iaitu :

- a- Kata kerja *mazīd bi ḥarf* (berimbuhan satu huruf)
- b- Kata kerja *Mazīd bi ḥarfayn* (berimbuhan dua huruf).

Setiap bahagian *F.M* yang lalu akan dinyatakan di dalam jadual bersama dengan *al-fi'l al-māḍī*¹. Tujuan disertakan sekali kata kerja tersebut adalah untuk menjelaskan perbezaan baris huruf 'ayn pada pola atau *wazan F.M* " *فَعَلَ* " yang berdasarkan kepada baris huruf 'ayn pada pola *al-fi'l al- māḍī* " *فَعَلَ* ".

Dari sudut lain, kata kerja terbahagi kepada 2 bahagian iaitu;

- a- *Mujarrad* ; iaitu kata kerja yang huruf-hurufnya adalah asal dan tidak gugur kecuali dengan *illat taṣrīfiyyat* iaitu perubahan yang berlaku dengan sebab kaedah morfologi seperti : " *صَامَ* " asalnya adalah " *صَوَّمَ* " tetapi huruf *wāw*nya telah ditukarkan kepada *alif*.
- b- *Mazīd* ; iaitu kata kerja yang ditambah huruf pada huruf-hurufnya yang asal sama ada satu, dua atau tiga huruf.

3.2.1 *Thulāthīy Mujarrad*

Kata kerja di dalam bahagian ini adalah kata kerja yang mengandungi tiga huruf yang asal, dan tidak ada sebarang penambahan huruf seperti didalam jadual berikut :

¹ Iaitu kata kerja yang menunjukkan sesuatu perbuatan atau kejadian yang berlaku pada masa lalu.

Jadual 3.1

Kata Kerja Thulāthiy Mujarrad

Fi'l Muḍāri'	Pola	Fi'l Māḍī	Pola	
يَقْرَأُ "Sedang membaca"	يَفْعَلُ	قَرَأَ "Telah membaca"	فَعَلَ	1
يَتَعَدُّ "Sedang duduk"	يَفْعَلُ	قَعَدَ "Telah duduk"	فَعَلَ	2
يَجْلِسُ "Sedang duduk"	يَفْعَلُ	جَلَسَ "Telah duduk"	فَعَلَ	3
يَفْرَحُ "Sedang bergembira"	يَفْعَلُ	فَرِحَ "Telah gembira"	فَعَلَ	4
يَرِثُ "Sedang mewarisi"	يَفْعَلُ	وَرِثَ "Telah mewarisi"	فَعَلَ	5
يَحْسُنُ "Sedang baik"	يَفْعَلُ	حَسَنَ "Telah baik"	فَعَلَ	6

Jadual di atas menunjukkan bahawa terdapat 6 perbezaan pola *F.M* yang berbeza kerana mengikut pola *fi'l māḍī* masing-masing. Perbezaan tersebut terdapat pada huruf 'ayn pada pola *al-fi'l al-māḍī* dan *F.M* iaitu : فَعَلَ - يَفْعَلُ ، فَعَلَ - يَفْعَلُ

فَعَلَ - يَفْعَلُ ، فَعَلَ - يَفْعَلُ ، فَعَلَ - يَفْعَلُ ، فَعَلَ - يَفْعَلُ .

3.2.2 *Fi'l thulāthiy mazīd.*

Kata kerja di dalam bahagian ini pula, ialah kata kerja yang mempunyai huruf tambahan.

Ia terbahagi kepada 3 bahagian, iaitu :

- a- Kata kerja yang ditambah dengan satu huruf (فِعْلٌ ثَلَاثِيٌّ مَزِيدٌ بِحَرْفٍ)

b- Kata kerja yang ditambah dengan dua huruf. (فَعْلٌ ثَلَاثِيٌّ مَزِيدٌ بِحَرْفَيْنِ)

c- Kata kerja yang ditambah dengan tiga huruf. (فَعْلٌ ثَلَاثِيٌّ مَزِيدٌ بِثَلَاثَةِ أَحْرَافٍ)

Setiap bahagian ini pula dinyatakan di dalam jadual-jadual berikut :

Jadual 3.2

Kata kerja thulāthiy berimbunan satu huruf

Contoh	Pola <i>al-Fi'l al-Mudāri'</i>	Contoh	Pola <i>al-Fi'l al-Māḍi'</i>	
يُكْرِمُ "Sedang memuliakan"	يُفْعِلُ	أَكْرَمَ "Telah memuliakan"	أَفْعَلَ	1
يُقَدِّمُ "Sedang memberi"	يُفَعِّلُ	قَدَّمَ "Telah memberi"	فَعَّلَ	2
يُقَاتِلُ "Sedang berperang"	يُفَاعِلُ	قَاتَلَ "Telah berperang"	فَاعَلَ	3

Jadual 3.3

Kata kerja *Thulāthiy* berimbunan dua huruf

Contoh	Pola <i>al-Fi'l al-Mudāri'</i>	Contoh	Pola <i>al-Fi'l al-Māḍī'</i>	
يَنْكَسِرُ "Sedang terbelah"	يَنْفَعِلُ	انْكَسَرَ "Telah terbelah"	انْفَعَلَ	1
يَجْتَمِعُ "Sedang berhimpun"	يَفْتَعِلُ	اجْتَمَعَ "Telah berhimpun"	اِفْتَعَلَ	2
يَحْمَرُّ "Sedang menjadi merah"	يَفْعَلُ	احْمَرَ "Telah menjadi merah"	اَفْعَلَ	3
يَتَجَاهَلُ "Sedang buat-buat tidak tahu"	يَتَفَاعَلُ	تَجَاهَلَ "Telah buat-buat tidak tahu"	تَفَاعَلَ	4
يَتَقَدَّمُ "Sedang ke hadapan"	يَتَفَعَّلُ	تَقَدَّمَ "Telah ke hadapan"	تَفَعَّلَ	5

Jadual 3.4

Kata kerja *thulāthīy* berimbunan tiga huruf

Contoh	Pola <i>al-Fi'l al-Muḍāri'</i>	Contoh	Pola <i>al-Fi'l al-māḍī'</i>	
يَسْتَغْفِرُ	يَسْتَفْعِلُ	اسْتَفْعَرَ	اسْتَفْعَلَ	1
يَعْمَلُ شَيْبًا	يَفْعَعِلُ	اعْمَلُ شَيْبًا	افْعَعَلَ	2
يَجْلِدُ	يَفْعُولُ	اجْلَدَ	افْعُولَ	3
يَحْمَرُ	يَفْعَالُ	احْمَرَ	افْعَالُ	4

3.2.3- *Kata kerja Rubā'iy*

Kata kerja *rubā'iy* adalah kata kerja yang mengandungi empat huruf. Kata kerja ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu :

a- Kata kerja *rubā'iy mujarrad*

b- Kata kerja *rubā'iy mazīd*. Kata kerja ini terbahagi pula kepada dua bahagian ;

1- Kata kerja *rubā'iy* yang ditambah satu huruf.

2- Kata kerja *rubā'iy* yang ditambah dua huruf.

Setiap kategori kata kerja di atas dipaparkan di dalam jadual berikut :

Jadual 3.5

Kata kerja rubā'īy mujarrad

Contoh	Pola <i>al-Fi'l al-Muḍāri'</i>	Contoh	Pola <i>al-Fi'l al-Māḍī</i>	
يُدَخِّرُ "Sedang menggolekkan"	يُفَعِّلُ	دَخَّرَ "Telah menggolekkan"	فَعَّلَ	1
يُرْزِلُ "Sedang Menggegarkan"	يُفَعِّلُ	رَزَلَ "Telah Menggegarkan"	فَعَّلَ	2

Di dalam contoh di atas pola kata kerja *rubā'īy mujarrad* mempunyai pola *F.M* yang satu sahaja, iaitu : " *يُفَعِّلُ* " .

Jadual 3.6

Kata kerja rubā'iy berimbuhan satu huruf

Contoh	Pola <i>al-Fi'l al-Mudāri'</i>	Contoh	Pola <i>al-Fi'l al-Māḍī'</i>	
يَتَدَخَّرُ "Sedang golek- menggolek"	يَتَفَعَّلُ	تَدَخَّرَ "Telah golek - menggolek"	تَفَعَّلَ	1
يَتَبَعَّرُ "Sedang bongkar- membongkar"	يَتَفَعَّلُ	تَبَعَّرَ "Telah bongkar- membongkar"	تَفَعَّلَ	2

Kata kerja rubā'iy di dalam jadual di atas ditambah dengan satu huruf iaitu huruf "

"pada perkataan " تَدَخَّرَ " dan " تَبَعَّرَ " .

Jadual 3.7

Kata kerja rubā'iy berimbuan dua huruf

Contoh	Pola <i>al-Fi'l al-Muḍāri'</i>	Contoh	Pola <i>al-Fi'l al-Māḍī'</i>	
يَحْرُجِمُ "Sedang berhimpun"	يَفْعَلِلُ	اِحْرَجِمَ "Telah berhimpun"	اِفْعَلَلَّ	1
يَطْمَأَنُ "Sedang bertenang"	يَفْعَلِلُ	اِطْمَأَنَّ "Telah bertenang"	اِفْعَلَلَّ	2

Pada jadual di atas kata kerja *rubā'iy* yang ditambah dua huruf mempunyai dua pola (wazan) iaitu ;

- 1- " اِفْعَلَلَّ " wazannya hanya ditambah *hamzat waṣal* pada awal perkataan dan *nūn* di antara 'ayn dan *lām* yang pertama.
- 2- " اِفْعَلَلَّ " wazannya hanya ditambah *hamzat wasal* pada awal perkataan dan *lām* yang ketiga pada akhir perkataan kerana untuk tujuan *mubālaghaṭ* (keterlaluan) ¹, sepertimana pada perkataan " اِطْمَأَنَّ " asal perkataannya ialah " طْمَأَنَّ " jadi *hamzat waṣal* adalah sebagai huruf tambahan.

Dalam contoh – contoh yang lepas jelaslah bahawa *F.M* mempunyai pembahagian-pembahagiannya dan setiap polanya mengikut jenis kategori *fi'l māḍīnya*.

¹ Muḥammad Muḥyiddīn 'Abd al-Ḥamīd . Durūs al-Taṣrīf . 1990.m.s 84 .

Ini bermakna sekiranya bertambah huruf pada *fi'l māḍī* bererti pertambahan huruf juga berlaku pada *F.M.*

Keseluruhan contoh-contoh yang lepas menggunakan *wazan ṣarfīy*¹ yang biasa digunakan dalam ilmu *ṣarf* (morfologi), iaitu *wazan "فَعَلَ"*. *Wazan* asas ini dipilih oleh ulama bahasa kerana tujuan tertentu. Tujuan dipilih huruf –huruf "ل", "ع", "ف" ialah kerana perkataan "فَعَلَ" bererti membuat. Perkataan ini juga digunakan untuk menunjukkan kepada perbuatan anggota. Oleh yang demikian, *wazan "فَعَلَ"* lebih sesuai dari yang lain. Firman Allah di dalam surah al-Mu'minun : 4 ;

﴿ وَالَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَاةِ فَاعِلُونَ ﴾

Ertinya : "Dan mereka (orang-orang beriman) yang menunaikan zakat".

Firman Allah di dalam surah al-Anbiyā': 62;

﴿ قَالُوا أَأَنتَ فَعَلْتَ هَذَا بِاللَّهِتِنَا يَا إِبْرَاهِيمُ ﴾

Ertinya : "Mereka berkata: "Apakah kamu yang melakukan perbuatan ini terhadap tuhan-tuhan kami wahai Ibrahim".

Ada juga ulama yang berpendapat bahawa dipilih *wazan* tersebut kerana huruf-hurufnya itu merangkumi keseluruhan *makhraj-makhraj*² huruf, iaitu secara tertib

¹ Iaitu pola yang digunakan di dalam morfologi sebagai skala untuk menentukan huruf-huruf asal atau tambahan di dalam sesuatu perkataan.

² Tempat keluar bunyi sesuatu huruf apabila disebut.

susunannya, iaitu " ف " *makhrajnya* ialah bibir, " ع " *makhrajnya* ialah kerongkong dan " ل " *makhrajnya* ialah lidah.¹

3.3 Penggunaan Fi'l Mudāri' Yang Tidak Mengikuti Kaedah Asal

Dalam perbincangan yang lalu *F.M* adalah kata kerja yang menunjukkan kepada perbuatan yang berlaku pada waktu kini dan akan datang. Tetapi di dalam al-Quran terdapat contoh-contoh penggunaan *F.M* untuk menunjukkan sesuatu perbuatan yang berlaku pada masa yang telah lalu yang mempunyai rahsia dan hikmah yang besar.

Di antara contoh-contoh tersebut ialah surah al-Ṣaffāt: 102 ;

﴿ إِنِّي أَرَى فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبَحُكَ ﴾

Ertinya : " *Sesungguhnya aku melihat di dalam mimpi aku telah menyembelih mu* "

Di dalam ayat tersebut perkataan " أَرَى " adalah *F.M* yang menunjukkan kepada waktu kini. Allah tidak menyebut lafaz " رَأَيْتُ " (aku telah melihat) iaitu kata kerja *māḍī* yang sepatutnya digunakan di dalam konteks ini kerana mimpi Nabi Ibrahim telah berlaku sebelum masa ia menuturkannya. Tujuan penggunaan *F.M* di dalam ayat tersebut adalah untuk menggambarkan mimpi Nabi Ibrahim itu masih berada dalam bayangannya dan khayalannya seolah-olah ia sedang melihat perbuatan menyembelih anaknya itu .

Begitu juga di dalam surah al-Baqarāḥ :87 ;

¹ Abū Sa'īd Muḥammad 'Abd Al-Majīd. 2000. m.s 56.

﴿ كَلَّمَا جَاءَكُمْ رَسُولٌ بِمَا لَا تَهْوَىٰ أَنفُسُكُمْ اسْتَكْبَرْتُمْ فَفَرِقْنَا كَذِبْتُمْ وَفَرِقْنَا تَقْتُلُونَ ﴾

Ertinya : "Maka patutkah tiap-tiap kali datang kepada kamu seorang rasul membawa sesuatu (kebenaran) yang tidak disukai oleh hawa nafsu kamu, kamu (dengan) sombong takbur (menolaknyanya) sehingga sebahagian dari rasul-rasul itu kamu dustakan, dan sebahagiannya yang lain pula kamu membunuhnya".

Di dalam ayat yang lalu tidak disebut " وَفَرِقْنَا فَتَلْتُمُ " (dan sebahagian yang lain kamu telah bunuh), iaitu kata kerja *māḍi* " فَتَلْتُمُ ". Hikmah penggunaan lafaz *F.M* ini ialah bagi menggambarkan dahsyatnya perbuatan Bani Israil membunuh para Anbiyā' supaya perbuatan terkutuk itu tetap berada di dalam hati dan supaya dijauhkan dari perbuatan itu. Ia juga menggambarkan sifat melampaui batas mereka.

Firman Allah dalam surah al-Baqarat : 91 ;

﴿ قُلْ فَلِمَ تَقْتُلُونَ أَنْبِيَاءَ اللَّهِ مِن قَبْلُ إِن كُنتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴾

Ertinya : "Katakanlah : "Mengapa kamu dahulu membunuh Nabi-nabi Allah jika benar-benar kamu orang-orang yang beriman? "

Di dalam ayat tersebut lafaz *F.M* " تَقْتُلُونَ " (kamu membunuh) digunakan untuk masa yang telah lalu, sedangkan lafaz yang asalnya ialah kata kerja *māḍi*, iaitu " فَتَلْتُمُ " .

Hikmahnya bagi menggambarkan perbuatan Bani Israil membunuh para Anbiya' itu amatlah teruk disebabkan keengkaran mereka. Di dalam Surah al-Hajj : 63 :

﴿أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَتُصْبِحُ الْأَرْضُ مُخْضَرَّةً﴾

Ertinya : "Apakah kamu tidak melihat bahawa Allah telah menurunkan air dari langit maka jadilah bumi itu terus menghidup".

Di dalam ayat tersebut ungkapan yang sesuai ialah kata kerja māḍī "أَصْبَحَتْ" (telah jadilah) kerana perkataan sebelumnya adalah kata kerja māḍī "أَنْزَلَ" (telah menurunkan).

Tujuan digunakan lafaz *F.M* ialah untuk menunjukkan bahawa bumi itu menghidup secara berterusan dari masa ke semasa tanpa lenyap kerana kesan air yang jatuh dari langit itu kekal pada setiap waktu. Firman Allah lagi di dalam surah al-'An'aām : 48 :

﴿وَمَا أَرْسَلْنَا إِلَّا مُبَشِّرِينَ وَ مُنذِرِينَ﴾

Ertinya : "Dan tidaklah kami utuskan para rasul itu melainkan untuk menyampaikan berita gembira dan memberi amaran".

Perkataan yang sepatutnya ialah kata kerja māḍī "أَرْسَلْنَا" (kami telah utuskan).

Terdapat juga di dalam al-Quran lafaz *F.M* digunakan untuk waktu yang telah lalu, kini dan akan datang atau keadaan yang berterusan seperti perbuatan Allah yang terdapat di dalam surah Ali'Imrān : 156 ;

﴿وَاللَّهُ يُحْيِي وَيُمِيتُ﴾

Ertinya : "Dan dialah yang menghidup dan mematikan".

Lafaz – lafaz *F.M* " يُحْيِي " dan " يُمِيتُ " adalah menunjukkan perbuatan Allah iaitu menghidup dan mematikan itu adalah berterusan. Firman Allah lagi di dalam surah Ali 'Imrān : 40 ;

﴿ قَالَ كَذَلِكَ اللَّهُ يَفْعَلُ مَا يَشَاءُ ﴾

Ertinya : "Katanya : "Demikianlah Allah melakukan apa yang dikehendakinya".

Perkataan " يَفْعَلُ " (melakukan) adalah *F.M* yang menunjukkan bahawa Allah sentiasa melakukan apa sahaja.¹

Dari contoh – contoh yang lalu jelaslah bahawa dalam ayat-ayat al-Quran terdapat *nuktaṭ balāghiyat* (penelitian halus ilmu retorik) sebagaimana yang telah dijelaskan oleh ulama balaghah di dalam kajian mereka. Penulis bersetuju dengan pendapat ini kerana kehalusan lafaz-lafaz al-Quran tidak dapat difahami kecuali melalui kajian dan memahami situasi penggunaan sesuatu lafaz dan konteks ayat. Kesesuaian lafaz yang seiring dengan situasi dan konteks ayat adalah penting. Perkara ini jelas apabila kita melihat contoh-contoh yang lalu, kebanyakan peristiwa –peristiwa yang diceritakan oleh al-Quran adalah peristiwa yang telah berlaku. Namun penggunaan *F.M* dalam kisah-kisah tersebut mempunyai hikmah dan rahsia yang besar, diantaranya supaya pembaca dan pengkaji al-Quran akan menyelami kisah-kisah tersebut dan merasakan bahawa kisah-kisah itu masih segar dan akan berulang kembali sebagaimana al-Quran adalah sebuah kitab yang menceritakan peristiwa yang telah berlaku, sedang dan yang akan berlaku.

¹ Dipetik dari Fan al-Balāghat, 'Abd Al-Qādir Ḥusayn. 1984. m.s 290-292.

Terdapat sebahagian pengkaji moden berpendapat bahawa ungkapan *F.M* untuk waktu yang telah lalu bukan suatu *nuktaḥ balāghiyyaḥ*. Mereka menganggapkannya suatu perkara yang diada-adakan. Di antara yang berpendapat demikian ialah Ibrāhīm Anīs. Beliau menganggap bahawa perkataan "تَقْتُلُونَ" (kamu membunuh) di dalam firman Allah di dalam surah Al-Baqaraḥ : 87 ;

﴿فَفَرِيقًا كَذَّبْتُمْ وَفَرِيقًا تَقْتُلُونَ﴾

Ertinya : "*Maka sebahagiannya kamu dustakan dan sebahagiannya kamu bunuh*", adalah untuk mewujudkan keselarasan rima-rima ayat sahaja dan bukan untuk tujuan kehalusan makna retorik.

Ibn Jinnī (seorang ahli linguistik silam) pula berpendapat bahawa rahsia penggunaan *F.M* untuk waktu yang lalu adalah untuk menghadirkan gambaran kisah itu di dalam fikiran pada waktu kini.¹ Terdapat perbezaan pendapat di antara pengkaji lama dan pengkaji moden.

Penulis bersetuju dengan pandangan Ibn Jinnī, kerana penggunaan lafaz *F.M* untuk waktu yang telah lalu untuk menghadirkan kisah yang telah berlaku kepada yang sedang berlaku sebagaimana kita melihat penggunaan kata kerja *māḍī* untuk peristiwa yang akan berlaku bagi menggambarkan peristiwa yang belum berlaku pasti akan berlaku seperti di dalam surah Al-Qamar : 1.

﴿اقْتَرَبَتِ السَّاعَةُ وَالشَّمُوكُ الْقَمَرُ﴾

Ertinya : "*Telah hampir hari kiamat dan terbelahlah bulan*".

¹ Ibid, m.s 294.

Perkataan " اقْتَرَبَتْ " (telah hampir) bagi menunjukkan bahawa peristiwa kiamat itu pasti berlaku dan benar-benar akan terjadi tanpa syak dan ragu, walaupun ia belum berlaku. Dan terdapat banyak lagi contoh-contoh yang lain di dalam al-Quran.

3.4 Penutup

Berdasarkan huraian-huraian mengenai definisi *F.M* yang lalu jelas menunjukkan bahawa *F.M* mempunyai persamaan dengan *I.F* dari segi kaedahnya secara am. Persamaan dari sudut fizikal ini juga mempunyai persamaan dari sudut makna yang akan dikaji selepas ini.

Pembahagian –pembahagian *F.M* yang telah diklasifikasikan oleh para ulama juga jelas menunjukkan di sana terdapat perbezaan makna ketika pertambahan huruf berlaku dan ini juga membawa kepada wujudnya pola-pola *I.F* yang berdasarkan pola *F.M* yang tertentu.